

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua

Sidang 1987/88

HMP 204 - Linguistik Sejarah dan Perbandingan  
Bahasa Melayu Polinesia

---

Tarikh: 7 April 1988

Masa: 2.15 petang - 5.15 petang  
(3 jam)

Jawab EMPAT(4) soalan. SOALAN NO. 1 MESTI dijawab dan TIGA(3) soalan yang lain.

1. Cuba rekonstruksikan bahasa induk bagi bahasa-bahasa di bawah ini dan terangkan perubahan bunyi yang berlaku dengan rumus-rumus dan proses-proses lain yang sesuai:

Bahasa Rekaan

		<u>A</u>	<u>B</u>	<u>C</u>	<u>D</u>	
TL	N	mikə	migəs	naku	megüs	'baju'
	A	mikən	migən	nakan	megön	
	G	mikər	migər	nakar	meger	
TL	1.	pikəm	pigəm	fakum	pegün	'makan'
	2.	pikəd	pigət	fakid	pegid	
	3.	pəkə	pegə	fakd	pege	
JK	1.	pekəl	pegəl	fakat	pegül	
	2.	pekət	pegət	fakat	pegit	
	3.	pekəb	pegəp	fakab	pegöb	
TL	1.	sibəm	sivəm	sabum	seün	'menangis'
	2.	sibəd	sivət	sabid	seid	
	3.	sebə	sevə	saba	sē	

.../2

JK	1.	seber	siver	sabur	seür
	2.	sebet	sivet	sabat	sēt
	3.	sebed	sävəp	sabab	seöp

2. Terangkan proses-proses perubahan bunyi:
  - (a) yang menggalakkan penambahan
  - (b) yang menggalakkan pengguguran dan
  - (c) yang tidak menambah atau menggugurkan unsur bunyi
  
3. Berikan huraian ringkas mengenai tajuk-tajuk berikut:
  - (a) Hukum Grimm
  - (b) Hukum Grassman
  - (c) Hukum Verner
  - (d) Hukum RGH
  - (e) Hukum RLD
  
4. Terangkan (a) apa yang dimaksudkan dengan proses ANALOGI dalam bidang linguistik sejarah dan apa pula implikasinya, dan (b) Hukum Kurylowicz yang pertama, kedua dan keempat.
  
5. Terangkan secara ringkas perubahan semantik mengenai tajuk-tajuk yang diberikan di bawah ini:
  - (a) Penyempitan
  - (b) Keusangan
  - (c) Penggunaan Kiasan
  - (d) Perluasan
  
6. Gunakan Bahasa Malaysia sebagai asas dan kemudian bandingkan dengan bahasa-bahasa Austronesia yang lain. Anda diminta memperlihatkan kesamaan yang istimewa yang terdapat dalam bahasa-bahasa tersebut. (Jawapan anda hendaklah disertai dengan contoh-contoh yang sesuai).